



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**  
**PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PROJEK**  
**KOD KURSUS : DSB3173**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---


*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

1. Lengkapkan carta di bawah.



(6 markah)

2. Nyatakan **empat (4)** sikap seorang pengurus projek yang berjaya.

a)

b)

c)

d)

(4 markah)

3. Bezakan ciri-ciri berikut berdasarkan jenis tender atau tawaran yang sesuai di dalam Jadual 1.

- |  |   |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tawaran terbuka kepada kontraktor tertentu sahaja, contohnya bumiputera.</li> <li>• Tawaran diiklankan</li> <li>• Terdapat pakatan harga dikalangan kontraktor yang terpilih</li> <li>• Sesuai bagi projek khas yang memerlukan kemahiran tertentu</li> <li>• Harga ditawarkan menjadi tinggi kerana kurang persaingan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat menggalakkan syarikat bumiputera menceburi bidang pembinaan.</li> <li>• Satu senarai kontraktor berkelayakan akan dikenal pasti</li> <li>• Masa untuk memproses dokumen dapat dikurangkan</li> <li>• Tawaran tidak diiklankan</li> <li>• Tawaran terbuka kepada kontraktor yang tersenarai sahaja</li> </ul> |
|--|---|

TENDER TERHAD	TENDER TERPILIH
a)	a)
b)	b)
c)	c)
d)	d)
e)	e)

Jadual 1 : Kaedah Perolehan Projek

(10 markah)

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

1. Terangkan **tiga (3)** perbezaan di antara kaedah tradisional dengan kaedah reka dan bina sebagai kaedah peroleh projek.  
(6 markah)
2. Terangkan kaedah perolehan secara kontrak pengurusan.  
(3 markah)
3. Jelaskan maksud tawaran atau tender.  
(2 markah)
4. Senaraikan **empat (4)** kepentingan organisasi secara umum.  
(4 markah)
5. Nyatakan **tiga (3)** faktor pembentukan sebuah organisasi.  
(3 markah)
6. Syarikat Kontraktor Sejati akan memulakan beberapa buah projek pada pertengahan tahun 2020.
  - i. Cadangkan jenis struktur organisasi yang paling sesuai untuk syarikat kontraktor tersebut supaya setiap sumber dapat digunakan secara lebih efektif.  
(2 markah)
  - ii. Lakarkan bentuk struktur organisasi yang anda cadangkan tersebut.  
(4 markah)
7. Terangkan perbezaan di antara Pusingan Kerja dengan Latihan Dalam Kerja (*OJT*) sebagai teknik latihan dalam kerja.  
(4 markah)

8. Jelaskan kepentingan proses penilaian prestasi terhadap pekerja.  
(3 markah)
9. Nyatakan **tiga (3)** ciri penilaian prestasi yang adil dan telus.  
(3 markah)
10. Proses penilaian prestasi pekerja akan berlangsung di syarikat anda tidak lama lagi. Sebagai pengurus syarikat, bicangkan **tiga (3)** peranan anda sebagai persediaan menjalankan penilaian tersebut dengan lancar, adil dan telus.  
(6 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

KOD	AKTIVITI	TEMPOH MASA (minggu)	IPA, Sebaik Sebelum Aktiviti ( <i>Immediately Preceding Activity</i> )
A	Rasuk dan tiang bawah	4	-
B	Lantai bawah	5	A
C	Rasuk dan tiang atas	6	A
D	Lantai atas	4	B,C
E	Siling	5	D
F	Bumbung	6	E

**Jadual 2 : Urutan Aktiviti Pembinaan Dan Tempoh**

- a) Berpandukan **Jadual 2** di atas, binakan Carta Gantt yang sesuai untuk pemantauan proses kerja pembinaan. (6 markah)
- b) Berdasarkan **Jadual 2** di atas, lakarkan Rajah Jaringan yang menunjukkan Kaedah Laluan Kritikal /CPM (*Critical Path Method*). (8 markah)
- c) Berdasarkan rajah jaringan di atas, kirakan tempoh apungan (*total float*) dan apungan bebas (*free float*) bagi setiap aktiviti. (6 markah)

**SOALAN 2**

Syarikat Pembinaan Abadi mendapat kontrak untuk membina 6 buah pondok pengawal di sebuah taman perumahan. Tempoh penyiapan pembinaan kesemua pondok tersebut adalah 3 bulan. Kos pembinaan bagi setiap pondok adalah RM 4000 per unit. Walau bagaimanapun, sehingga akhir bulan kedua, Syarikat Pembinaan Abadi hanya berjaya membina 3 buah pondok pengawal sahaja dan telah membelanjakan sebanyak RM 15000.

- a) Binakan lengkok S/ *S-Curve* bagi kerja pemasangan pondok pengawal oleh Syarikat Pembinaan Abadi yang terdiri dari lengkok *BCWS*, *BCWP* dan *ACWP*.  
(8 markah)
- b) Berdasarkan lengkok S yang telah dibina, bezakan maksud:
- i) Kos bajet mengikut jadual (*BCWS*) (2 markah)
  - ii) Kos bajet mengikut prestasi kerja (*BCWP*) (2 markah)
  - iii) Kos sebenar mengikut prestasi kerja (*ACWP*) (2 markah)
- c) Hitungkan Varian Jadual/ *Schedule Variance (SV)* dan Varian Kos/ *Cost Variance (CV)* bagi kerja yang telah dilakukan oleh Syarikat Pembinaan Abadi.  
(6 markah)

**[40 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**